

Otai kampung jadi dalang

Bertindak jadi pemantau setiap rondaan dibuat oleh pihak polis

TAPAK berkenaan pernah disita sebelum ini, namun kegiatan pembuangan sampah haram di Kampung Sungai Pusu, Gombak, dikenal pasti masih berlaku.

Pihak yang menjalankan aktiviti haram itu seolah-olah kebal kerana mampu menjalankan semula kegiatan walaupun banyak tindakan penguatkuasaan dan langkah pencegahan diambil pihak berkuasa.

Tanah yang digali pihak berkuasa bagi menghalang lori memasuki tapak, dikambus semula, pita kuning juga dipotong walaupun dalam tempoh kurang 24 jam tindakan sitaan dibuat sebelum ini.

Sumber memberitahu, lori-lori yang keluar masuk di tapak berkenaan terus bermaharajalela dipercayai didalangi seorang individu yang mahu mengaut keuntungan.

"Individu itu 'otai' di kampung ini, dialah yang panggil lori-lori buang sampah supaya dia boleh kutip duit.

"Ada rondaan daripada pihak berkuasa yang tunggu secara berkala, tapi bila tak ada pemantauan, berpusu-pusu lori keluar masuk," katanya kepada Sinar Harian.

Tinjauan Sinar Harian ke lokasi berkenaan dua hari berturut-turut mendapati terdapat lori yang dipenuhi muatan bertutup, memasuki laluan masuk ke atas bukit, iaitu tapak buangan.

Bagaimanapun tiada sebarang pemantauan di laluan masuk di bawah bukit dipercayai bagi mengaburi mata pihak berkuasa.



Keadaan tapak pembuangan sampah Kampung Sungai Pusu yang pernah diambil tindakan sita sebelum ini.



Lori yang membawa muatan memasuki laluan masuk ke tapak pembuangan.